



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE  
(IJHPL)  
[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



**MASALAH PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM  
KALANGAN PELAJAR KOLEJ BAHASA ARAB TONGXIN  
WILAYAH NINGXIA CHINA**

*READING SKILLS LEARNING PROBLEMS AMONG STUDENTS OF ARABIC  
COLLEGE TONGXIN NINGXIA CHINA*

Li Ziyun<sup>1\*</sup>, Saipolbarin Ramli<sup>2</sup>, Suo Yan Mei<sup>3</sup>, Mohammad Taufiq Abdul Ghani<sup>4</sup>, Nazri Atoh<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Department of Modern Languages, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: 664110785@qq.com

<sup>2</sup> Department of Modern Languages, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: saipolbarin@fbk.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Department of Modern Languages, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: fatimahsuo@fbk.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Department of Modern Languages, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: taufiq@fbk.upsi.edu.my

<sup>5</sup> Department of Modern Languages, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: nazri.atoh@fbk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 20.04.2020

Revised date: 07.07.2020

Accepted date: 27.07.2020

Published date: 10.09.2020

**Abstrak:**

Penguasaan kemahiran membaca adalah prasyarat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa yang perlu dikuasi oleh pelajar. Ini kerana, melalui penguasaan kemahiran membaca, seseorang itu dapat memahami kandungan teks bacaan dan memperkayakan saiz kosa kata. Walaupun begitu, data menunjukkan para pelajar Kolej Bahasa Arab Tongxin Ningxia di China masih lagi berhadapan dengan permasalahan penguasaan kemahiran membaca. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan halangan kepada pencapaian objektif dalam aktiviti PdP. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mendapatkan data berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran membaca dalam aktiviti PdP bahasa Arab di Kolej Bahasa Arab Tongxin Ningxia di China. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik, pemerhatian dan temubual. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dalam kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada 56 orang pelajar perempuan, 44 orang pelajar lelaki, 3 orang guru lelaki dan 9 orang guru perempuan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian mendapat terdapat lima faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar iaitu

**To cite this document:**

Li, Z., Ramli, S., Suo, Y. M., Ghani, M. T. A., & Atoh, N. (2020). Masalah Pembelajaran Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Pelajar Kolej Bahasa Arab Tongxin Wilayah Ningxia China. International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 3 (11), 01-09.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.311001.

faktor psikologi, motivasi diri, usaha, strategi perlaksanaan dan kekurangan penguasaan saiz kosa kata. Selain itu terdapat faktor sampingan lain yang turut mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca pelajar iaitu kelemahan dalam tatabahasa, penglibatan yang pasif dalam kelas, kekurangan latihan, kekurangan sumber pendidikan dan ganjaran kepada guru. Kajian ini juga turut mencadangkan beberapa langkah sesuai bagi mengatasi permasalahan ini yang melibatkan aspek pelajar dan aspek guru. Dari aspek pelajar, dicadangkan untuk mempelbagaikan sumber bacaan seperti penggunaan medium elektronik sebagai medium bacaan alternatif. Manakala dari aspek guru, dicadangkan untuk memperkasakan metodologi yang digunakan dalam aktiviti PdP. Diharapkan dengan kajian yang dijalankan ini akan dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di Kolej Bahasa Arab Tongxin Ningxia di China.

**Kata Kunci:**

Kemahiran Membaca; Teks Bahasa Arab; Kolej Bahasa Arab Tongxin; Ningxia China; Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran

**Abstract:**

Reading skill proficiency is a pre-requisite for language teaching and learning (T&L) activities that students need to master. This is because by mastering the reading skill, one can understand the content of the reading text and enrich their vocabulary. However, the data showed that the students at Tongxin Arabic College of Ningxia in China were still facing the challenge to master the reading skill. This situation indirectly poses a barrier to achieving the objectives of T&L activities. Therefore, this study was conducted to obtain data related to the problems faced by students in mastering the reading skill in Arabic language T&L activities at Tongxin Arabic College. The instruments used in this study were questionnaires, observations, and interviews. The simple random sampling method used in this study involved 56 female students, 44 male students, 3 male teachers, and 9 female teachers. The data obtained were analysed using SPSS software. It was found from the findings of the study that there were five factors that had influenced the reading skill proficiency among students, namely physiological factors, self-motivation, effort, implementation strategies, and lack of vocabulary size. Apart from that, there were other additional factors that also influenced students' reading skill proficiency, which included poor grammar, passive engagement in the classroom, lack of exercise, lack of educational resources, and rewards for teachers. This study also proposes a number of appropriate measures to address this problem from the students' aspects and the teachers' aspects. From the students' aspects, it is proposed that the reading resources are diversified such as the use of the electronic medium as an alternative reading medium. Whereas from the teachers' aspects, it is proposed that the methodologies used in T&L activities are strengthened. It is hoped that this study will improve the level of reading skill proficiency among students in Tongxin Arabic.

**Keywords:**

Reading Skills; Arabic Text; Tongxin Arabic College; Ningxia China; Teaching And Learning Methodologies

**Pendahuluan**

Bahasa Arab merupakan salah satu dari enam bahasa rasmi yang digunakan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Bahasa yang berasal dari rumpun bahasa Semit ini dituturkan

oleh ramai penduduk dunia sama ada yang bersifat sebagai bahasa ibunda atau pun sebagai bahasa asing atau bahasa kedua. Bahasa Arab juga mempunyai hubungan yang rapat dalam agama Islam kerana Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dan nabi Muhammad S.A.W diutuskan dari bangsa Arab. Dalam aktiviti yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab, ia melibatkan empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Pengajaran keempat-empat kemahiran ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan para pelajar dapat menguasai semua kemahiran berbahasa ini. Walau pun begitu, dalam situasi pengajaran bahasa Arab untuk bukan penutur jati, keempat-empat kemahiran ini tidak dapat dilaksanakan secara serentak, sebaliknya hanya dua kemahiran sahaja yang boleh diajar dan dinilai di akhir sesuatu aktiviti PdP. Gabungan satu kemahiran premier (kemahiran membaca atau kemahiran mendengar) dengan kemahiran sekunder (kemahiran menulis atau bertutur) perlu dilakukan dengan cara yang terbaik dengan mengambil kira tahap penguasaan pelajar (Saipolbarin et al.,2019).

Aktiviti membaca adalah satu proses interaksi antara teks dengan imaginasi seseorang (Yahya Othman, 2008). Penguasaan kemahiran membaca pula merujuk kepada kemampuan sistem saraf seseorang untuk berfungsi dengan sempurna. Sel-sel neuron yang terlibat akan memberi isyarat kepada otak bagi menghasilkan ransangan yang dikesan oleh reseptor deria (Kandel & Schwartz, 1985). Kemahiran membaca ini merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh pelajar sebelum penguasaan kemahiran berbahasa yang lain (Ali Ahmad, 2009). Sekiranya pelajar tidak dapat menguasai kemahiran asas ini, aktiviti PdP akan terhalang dan mengakibatkan penguasaan kemahiran berbahasa yang lain akan terganggu. Perihal pentingnya terhadap penguasaan kemahiran membaca ini, aktiviti pendedahan terhadap literasi membaca dilakukan seawal peringkat umur kanak-kanak dan diteruskan kelangsungannya sehingga ke peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Kolej Bahasa Arab Tongxin merupakan satu institusi pendidikan kelolaan Jabatan Pendidikan Wilayah Ningxia di China. Ia ditubuhkan pada Mei 1985 dan merupakan institusi pendidikan pertama yang menawarkan program bahasa Arab di negara China. Kolej ini dilengkap dengan sumber tenaga pengajar yang berpengalaman di samping mempunyai bahan-bahan sumber yang mencukupi (Ma Ei Bao, 2011, Jin Zhongjie, 2007). Sehingga tahun 2017, Kolej Bahasa Arab Tongxin telah melahirkan hampir 2085 graduan bahasa Arab di seluruh China. Terdapat sebahagian daripada graduan ini yang menyambung pengajian di peringkat sarjana di luar China seperti di negara-negara Arab, Malaysia, Indonesia dan Brunei dan sebahagian yang lain bekerja di institusi kerajaan dan swasta dalam dan luar negara.

Walau pun begitu, setelah hampir 35 tahun kolej ini menawarkan program bahasa Arab, melalui pemerhatian dan soal selidik yang dilakukan, data menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di kolej ini berada pada tahap yang lemah. Bagi meningkatkan literasi membaca teks bahasa Arab, para guru harus peka dalam beberapa aspek seperti pemilihan teknik pedagogi (Ahmad et al., 2016; Rosni et al., 2016), strategi pengajaran (Linamalini & Kamarul Shukri, 2014), serta bahan bantu mengajar. Kajian literasi membaca teks yang melibatkan bacaan bahasa Arab telah bermula seawal tahun 1978 (Nur Hidayah & Maharam, 2018), namun begitu, belum ada satu formula khusus untuk mengukur tahap literasi membaca teks bahasa Arab (Toeimah & Al-Thu'aybi, 2006). Hal ini kerana masih terdapat kelompongan kajian berkaitan pembangunan kerangka literasi membaca teks bahasa Arab. Literasi membaca teks bahasa Arab memerlukan satu kerangka khusus bagi membantu para penyelidik dan guru mengukur sejahterananya literasi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan

murid. Rentetan daripada itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menganalisis masalah dan punca tidak penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar dan cadangan kepada penyelesaiannya.

### Pernyataan Masalah

Kolej Bahasa Arab Tongxin di Ningxia China telah beroperasi dengan menawarkan program bahasa Arab kepada masyarakat setempat dalam tempoh hampir 35 tahun. Para tenaga pengajar yang berkhidmat di kolej ini merupakan graduan lulusan dari Timur Tengah seperti Jordan, Mesir, Saudi dan sebagainya dengan pengalaman berada di negara penutur jati bahasa Arab hampir tiga tahun. Selain itu, terdapat juga tenaga pengajar yang berasal dari negara Arab. Dari sudut yang lain pula, sumber bahan yang disediakan untuk aktiviti PdP bahasa Arab oleh pihak berwajib sentiasa berada pada tahap yang mencukupi. Bantuan dan derma untuk bahan-bahan sumber PdP bahasa Arab juga diperolehi dari negara Arab seperti Saudi, Qatar dan Kuwait pada saban tahun. Dengan tempoh masa operasi yang telah lama, tenaga pengajar yang berpengalaman dan terlatih dan sumber bahan yang mencukupi untuk aktiviti PdP bahasa Arab, sepatutnya tahap penguasaan bahasa Arab di kolej ini berada pada tahap yang tinggi. Walau pun begitu, data yang diperolehi menunjukkan sebaliknya. Para pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam program bahasa Arab di kolej ini tidak dapat menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab dengan baik. Keadaan ini menimbulkan persoalan kepada penyelidik dan seterusnya mendorong penyelidik untuk melakukan kajian terhadap masalah penguasaan kemahiran membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Kolej Bahasa Arab Tongxin Ningxia China, apakah faktor-faktor yang menyebabkan permasalahan ini timbul dan apakah cadangan bagi penyelesaiannya.

### Sorotan Literatur

Gamal ‘Abd Nasr Zakaria (2016) menyatakan membaca adalah kaedah penting untuk memperoleh pengetahuan, dan di mana seseorang dapat melepaskan diri dari buta huruf untuk mendapatkan maklumat dan pengalaman yang ditulis dalam bahasa sasaran. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu mempertimbangkan pemilihan bahan yang sesuai untuk dibaca, dan menyampaikannya kepada pelajar dengan strategi yang sesuai dengan tahap mereka, dan bahawa pembacaan berkait rapat dengan minat mereka, dan bahawa bahan bacaan baru menambah pengalaman pembaca. Menurut Fuad Hassan (2007), faktor guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan aktiviti membaca dalam kalangan murid. Terdapat sebahagian guru yang meletakkan kesalahan kepada murid apabila tidak murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik. Perihal ini agak janggal kerana guru tidak refleksi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukannya yang merangkumi keberkesaan pedagogi yang digunakan, elemen ransangan semasa PdP dan bahan bantu mengajar. ‘Abd al-Fatah Bajat (2000) menambah, selain daripada faktor guru, faktor penguasaan saiz kosa kata dalam kalangan pelajar turut memainkan peranan penting dalam PdP kemahiran membaca. Penguasaan saiz kosa kata secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk menguasai kemahiran membaca. Ini kerana penguasaan saiz kosa kata melibatkan aspek kefahaman makna dan sebutan sesuatu perkataan yang berkaitan. Apabila perkataan-perkataan ini digunakan semula dalam teks bacaan, secara tidak langsung pelajar dapat menyebutnya dengan betul. Menurut Basyir Rasyid (2009), faktor asimilasi bahasa penutur adalah antara permalahan utama yang dihadapi oleh pelajar untuk menguasai kemahiran membaca untuk bukan penutur. Ia juga disebabkan oleh beberapa faktor lain seperti kesan bahasa ibunda, motivasi membaca, dan ciri-ciri bahasa Arab, serta guru dan murid. ‘Abd al-Salam (2011), Guo Shaohua (2012) pula menyatakan bahawa seorang individu, biasa mendengar apa yang setara

dengan buku setiap hari, bercakap apa yang setara dengan buku setiap minggu, dan membaca apa yang sepadan dengan buku setiap bulan, menulis apa yang setara dengan buku setiap tahun. Menurutnya juga, prose PdP perlu menggunakan kaedah sintaksis dan analitik untuk pengajaran asas. Selain itu, menurutnya lagi, kaedah latihan secara latih tubi dapat meransang pelajar untuk menguasai kemahiran membaca. Selain faktor-faktor yang dinyatakan di atas, terdapat faktor persekitaran juga memberi kesan dan mempengaruhi aktiviti PdP kemahiran membaca. Pelajar didedahkan dengan persekitaran yang meransang pelajar untuk membaca seperti penggunaan papan tanda, transliterasi teks dari audio berita televisyen dan penggunaan item teknologi yang bersesuaian. Berdasarkan sorotan literatur ini, jelas menunjukkan terdapat faktor-faktor yang menyokong dan menghalang kepada penguasaan pelajar dalam aktiviti PdP kemahiran membaca. Kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik pula adalah menggunakan responden dan persekitaran yang berbeza iaitu aktiviti membaca di Kolej Bahasa Arab di Tong Xin China.

### **Objektif Kajian**

Melalui penyelidikan ini, penyelidik menasarkan untuk mencapai matlamat berikut:

1. Mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ketidak penguasaan kemahiran membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Kolej Bahasa Arab Tongxin.
2. Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ketidak penguasaan kemahiran membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Kolej Bahasa Arab Tongxin.
3. Mencadangkan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang timbul daripada pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca di Kolej Bahasa Arab Tongxin yang merangkumi aspek pelajar, bahan pengajaran dan guru.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian yang bersifat analisis deskriptif untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya permasalahan dalam penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di Kolej Bahasa Arab Tongxin di wilayah Ningxia China. Bagi proses pengumpulan data berkaitan dengan tajuk kajian, kajian keperpustakaan, instrumen soal selidik, instrumen temubual dan pemerhatian dilakukan. Instrumen soal selidik yang disediakan terdiri daripada dua set iaitu set soal selidik untuk tenaga pengajar dan set soal selidik untuk pelajar. Bagi melengkapkan data yang diperolehi dari instrumen soal selidik, kaedah temubual dilakukan yang juga melibatkan pihak tenaga pengajar dan pihak guru. Peringkat seterusnya ialah kaedah pemerhatian aktiviti PdP bahasa Arab di Kolej Tongxin dijalankan. Dalam kaedah pemerhatian ini, ia dilakukan secara pemerhatian berstruktur bagi melihat aktiviti PdP bahasa Arab yang dijalankan di Kolej Tongxin China yang melibatkan semua peringkat pelajar dari tahun satu sehingga tahun tiga untuk tempoh pemerhatian sebanyak dua kali bagi setiap kumpulan pelajar. Sampel kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan responden yang terdiri daripada 56 orang pelajar perempuan, 44 orang pelajar lelaki dari tahun satu sehingga tahun tiga pengajian. Bagi sampel yang melibatkan tenaga pengajar pula, ia terdiri daripada 3 orang guru lelaki dan 9 orang guru perempuan yang meruapakan tenaga pengajar tempatan. Semua data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Di akhir kajian ini, dapatan kajian akan dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah, jadual dan carta pai bagi memberi gambaran yang jelas berkaitan dengan dapatan kajian.

### **Dapatkan dan Perbincangan**

Data yang diperolehi melibatkan dua kumpulan sampel kajian iaitu dari pihak tenaga pengajar dan dari pihak pelajar. Data dari kedua-dua kumpulan sampel kajian ini akan dianalisis satu persatu bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan dengan tajuk kajian.

### **Tenaga Pengajar**

Data yang diperolehi dari pihak guru dapat memberikan gambaran yang jelas tentang permasalahan yang dihadapi oleh pelajar untuk menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab. Data dari pihak guru diperlukan kerana mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti PdP bahasa Arab. Data dari soal selidik seperti dalam jadual 1:

**Jadual 1: Soal Selidik Guru Berkaitan Dengan Permasalahan Kemahiran Membaca**

Bil	Permasalahan	Setuju	Peratus	Tidak Setuju	Peratus
1.	Minat pelajar terhadap terhadap bahasa Arab	6	50%	6	50%
2.	Metodologi terhadap aktiviti PdP kemahiran membaca tidak berkesan.	1	8%	11	92%
3.	Masa untuk waktu PdP yang terhad	3	25%	9	75%
4.	Metodologi pengajaran literasi huruf bahasa Arab di peringkat sekolah rendah tidak sesuai.	2	17%	10	83%
5.	Pelajar kurang menguasai perbendaharaan kata	8	68%	4	32%
6.	Guru tidak menitikberatkan latihan dan penilaian berterusan terhadap pelajar.	3	25%	9	75%
7.	Tidak terdapat rujukan berkaitan yang mencukupi	5	42%	7	52%
8.	Teknik pembetulan latihan membaca ketika PdP yang tidak sesuai	3	25%	9	75%
9.	Buku rujukan bahasa Arab tidak mencukupi	6	50%	6	50%
10.	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar yang tidak menyeluruh dan berkesan.	4	33%	8	67%
11.	Penglibatan ibubapa/keluarga	9	75%	3	25%

Sebilangan besar guru bersetuju bahawa masalah utama pelajar dalam aktiviti kemahiran membaca adalah disebabkan oleh kurangnya penglibatan dari pihak keluarga dalam membantu aktiviti membaca ketika berada di rumah dengan peratus sebanyak 75%. Seterusnya diikuti oleh kurangnya saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan jumlah sebanyak 67%. Masalah seterusnya ialah motivasi pelajar untuk belajar bahasa Arab dan kekurangan buku rujukan bahasa Arab di sekolah, yang kedua-duanya mewakili sebanyak 50%. Berkaitan dengan aktiviti penilaian secara berterusan dalam kemahiran membaca yang dilakukan oleh guru pula hanya diwakili sebanyak 25%.

Jadual 2 berikutnya merupakan data yang diperolehi melalui sesi temubual yang dilakukan terhadap tenaga pengajar bahasa Arab di Kolej Bahasa Arab Tongxin Ningxia China berkaitan dengan cadangan penyelesaian bagi permalahan yang timbul. Maklumat berkaitan seperti berikut:

### **Jadual 2: Cadangan Guru Untuk Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca**

Bil	Cadangan	Jumlah	Peratus
1.	Penyediaan aktiviti intensif di luar kelas berkaitan dengan kemahiran membaca seminggu sekali	11	92%
2.	Memberi dorongan dan galakan kepada pelajar untuk membaca buku cerita bahasa Arab	11	92%
3.	Penganjuran pertandingan aktiviti membaca dalam kalangan pelajar	11	92%
4.	Latihan membaca secara intensif dirumah dengan teks tertentu.	12	100%
5.	Galakan pelajar untuk turut serta dalam aktiviti membaca di kelas	10	83%

Jadual 2 menunjukkan bahawa 100% daripada guru bersetuju bagi membantu pelajar untuk menguasai kemahiran membaca, latihan membaca secara intensif perlu dilakukan di rumah. Ia adalah kesinambungan dan pengukuhan aktiviti membaca yang telah dijalankan di sekolah. Selain itu, sebanyak 92% guru percaya bahawa galakan kepada pelajar untuk membaca buku cerita bahasa Arab dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan dalam kalangan pelajar. Aktiviti-aktiviti lain yang dicadangkan juga oleh pihak guru ialah memberi latihan bacaan kepada pelajar sekali seminggu serta melakukan pertandingan membaca di bilik darjah. Daripada ini, 83% mencadangkan agar pelajar perlu digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti membaca di dalam kelas.

#### ***Pelajar***

Jadual 3 menunjukkan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar yang melibatkan kemahiran membaca teks bahasa Arab di Kolej Bahasa Arab Tongxin di Ningxia China. Data adalah seperti berikut:

### **Jadual 3: Permasalahan Kemahiran Membaca Teks Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar**

Bil	Permasalahan	Jumlah	Peratus
1.	Perbendaharaan kata	56	56%
2.	Penguasaan tatabahasa Arab	52	52%
3.	Pemahaman teks bacaan	34	34%
4.	Dapat membaca perenggan teks dalam masa yang ditetapkan	24	24%
5.	Kefasihan membaca teks bahasa Arab	23	23%
6.	Bahan bacaan tambahan di perpustakaan yang mencukupi	28	28%
8.	Membuat persediaan terhadap bacaan sebelum PdP	4	4%
9.	Kemampuan untuk membaca teks tanpa baris	40	40%
10.	Membuat tekaan makna perkataan ketika aktiviti membaca	50	50%

Jadual 3 menunjukkan masalah penguasaan kosa kata Arab merupakan permasalahan utama yang dihadapi oleh pelajar dalam aktiviti PdP kemahiran membaca teks bahasa Arab dengan peratus sebanyak 56%. Ia diikuti dengan tahap penguasaan tatabahasa Arab dengan jumlah peratus sebanyak 52%. Permasalahan lain ialah kemampuan pelajar untuk meneka makna perkataan dalam teks secara umum dengan peratus sebanyak 50% dan keupayaan untuk membaca teks bahasa Arab tanpa baris dengan fasih dengan jumlah peratus sebanyak 40%. Walaupun data menunjukkan pelajar berhadapan dengan permasalahan penguasaan kemahiran membaca teks bahasa Arab, tetapi peratus pelajar yang membuat persediaan sebelum aktiviti PdP dijalankan adalah sebanyak 4% sahaja. Ini mengambarkan bahawa pelajar tidak

mempunyai motivasi yang tinggi untuk membuat persediaan bagi mengikuti kelas kemahiran membaca teks Arab.

### **Penutup**

Dapatkan kajian mendapat terdapat lima faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar iaitu faktor pskilologi, motivasi diri, usaha, strategi perlaksanaan dan kekurangan penguasaan saiz kosa kata (Gamal 'Abd Nasr Zakaria 2016, 'Abd al-Fatah Bajat 2000). Selain itu terdapat faktor sampingan lain yang turut mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca pelajar iaitu kelemahan dalam tatabahasa, penglibatan yang pasif dalam kelas, kekurangan latihan, kekurangan sumber pendidikan dan ganjaran kepada guru ('Abd al-Fatah Bajat 2000, Basyir Rasyid 2009, 'Abd al-Salam 2011). Kajian ini juga turut mencadangkan beberapa langkah sesuai bagi mengatasi permasalahan ini yang melibatkan aspek pelajar dan aspek guru. Dari aspek pelajar, dicadangkan untuk mempelbagaikan sumber bacaan seperti penggunaan medium elektronik sebagai medium bacaan alternatif. Manakala dari aspek guru, dicadangkan untuk memperkasakan metodologi yang digunakan dalam aktiviti PdP. Diharapkan dengan kajian yang dijalankan ini akan dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar di Kolej Bahasa Arab Tongxin Ningxia di China.

### **Rujukan**

- 'Abd al-Salam. (2011). *Manahij al-Lughatul al-'Arabiyyah Wa Tara'iq Tadrisha Bain Al-Nazariyyat wa al-Tatbiq*. Maktabah al-Mujtama' al-'Arabiyy. Jordan
- 'Abd al-Fatah Bajat. (2000). *Usul Tadris Al-'Arabiyyat Bain Al-Nazariyyat wa Al-Mumarassat*. Dar al-Fikr. Jordan.
- 'Aliy bin Ahmad Madkur. (2000). *Tadris Funun al-Lughat al-'Arabiyyat*. Darul Fikr al-'Arabiyy: Mesir.
- Ahmad, I. e. (2016). Pelaksanaan Kemahiran Menulis dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. *Tinta dalam Pengajaran Membina Ummah*, 55-62.
- Basyir Rasyid. (2009). *Tanmiyat Maharat al-Isti'ab Lada Talabat al-Lughat al-A'rabiyyat al-Natiqin Bighairha*. Dar al-Bidayat wa Dar al-Mustaqbal. Jordan
- Fuad Hassan. (2007). *Asalib wa Turuq Tadris al-Lughat al-A'rabiyyat wa 'Tdād Durusaha al-Yawmiyyat*. Dar al-Manahij. Jordan
- Gamal 'Abd al-Nasr. (2016). *Al-Madkhāl ilā Tadris al-Lughat al-A'rabiyyat lilnatiqin Bighairha Tara'iq wa Mafahim*. IIUM: Malaysia
- Guo Shaohua; Ye Liangying; Wu Xiaoqin; Xue Qingguo. (2012). *New Arabic Language Foreign Language Teaching and Research Press*. Beijing.
- Jin Zhongjie. (2007). Historical Evolution of Arabic Language Teaching in Ningxia and Its Folk Characteristics. *Journal of Northwest Second Nationality College (Philosophy and Social Sciences Edition)*, No. 3, PP. 48-53
- Kandel, Eric R. dan James H. Schwartz. (1985). *Principles of Neural Science*. 2nd ed. Netherlands: Elsevier Science Publishing.
- Linamalini, M. N. & Kamarul Shukri, M. T. (2014). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Satu Kajian di Institusi Pengajian Tinggi Kelantan. Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. UKM & UniSZA.
- Ma Ei Bao. (2011). *Al-Muslimun Fi Ningxia*. Dar al-Nasyr al-Sya'bīy Ningxia: China

- Nur Hidayah, H. & Maharam, M. (2018). Tahap Kebolehbacaan Teks Bahasa Arab at-Taisir dalam Kalangan Murid Tahap 2 di Sekolah Rendah Islam (Sri) al-Amin, Nilai: Satu Kajian Awal. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 19, 67-84.
- Rosni, S., Fariza, P. -B., Noor Saazai, M. S., Suriani, M. A., Ramiaida, D., & Haliza, H. (2016). Effective Methods in Learning Arabic Language as a Foreign Language. Mediterranean Journal of Social Sciences, 7(3), 349-355.
- Saipolbarin Ramli. Muhammad Taufiq Abdul Ghani. Nazri Atoh. Taj Rijal Muhammad Romli. (2019). Integrasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Kit Media dalam Amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pelatih Bahasa Arab. International Language Education and Applied Science: 09 (1) 33-44.
- Toeimah, R. A. & Al-Thu'aybi, M. A. (2006). Ta'lim Al-Qira'ah Wa Al-Adab: Istiratijiyyah Mukhtalifah Li Jumhur Mutnawwic. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-Carabi.
- Yahya Othman. (2008). Proses dan Strategi membaca berkesan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.